

Jual saham2 syarikat k'jaan pada b-putera dikaji

U.M. 23 OCT 1978

KUALA TRENGGANU 22 Okt. — Kerajaan sedang mengkaji untuk menjual saham-saham syarikat kerajaan seperti Kontena Malaysia kepada bumiputera.

Soal penjualan saham ini akan dibincangkan oleh sebuah jawatankuasa yang dibentuk dengan dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan terpaksa membuat penelitian yang mendalam tentang pembahagian saham-saham ini sebelum ianya diluluskan.

Tujuannya ialah untuk menjamin setiap bumiputera yang mampu dan menyimpan saham-saham berkenaan memilikinya, ujar beliau.

Berucap di majlis jamuan makan malam kerana meraikannya anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu sempena mesyuarat agungnya di sini malam tadi, Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan kerajaan tidak mahu melihat bumiputera menjadi mangsa dalam pembelian saham.

Beliau berkata, banyak terjadi sekarang saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat swasta untuk bumiputera dijual kepada orang bukan Melayu dengan tujuan untuk mendapat keuntungan yang berlebihan.

Amalan ini, ujarnya lagi, jika berterusan kemungkinan saham-saham yang diuntukkan kepada bumiputera akan hilang.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan kebimbangannya, matlamat kerajaan untuk melahirkan 30 peratus bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian dalam tempoh 1990 tidak akan tercapai.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan

dan Perindustrian menyelar sebuah majalah yang sengaja mengungkit-ungkit tentang pemberian saham kepada bumiputera.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan Dewan-Dewan Perniagaan Melayu supaya mengawasi tentang musuh-musuh dalam perniagaan yang sentiasa mencari jalan untuk melemahkan ahli-ahli perniagaan bumiputera.

"Musuh-musuh ini, bukan sahaja untuk melemahkan kita tetapi juga tidak suka melihat Malaysia berjaya. Mereka amat benci kepada Malaysia kerana orang-orang Melayu mengambil bahagian dengan memegang teraju pemerintahan negara ini," katanya.

Timbalan Perdana Menteri juga mengingatkan orang-orang Melayu supaya meluaskan lagi kegiatan mereka dalam semua bidang dan jangan menumpu kepada pembelian saham sahaja sebagaimana yang berlaku sekarang.

Menteri Besar Trengganu Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad yang berucap terdahulu dari itu berkata, kerajaan Trengganu sentiasa memberi perhatian kepada pengusaha-pengusaha bumiputera dalam semua lapangan.

Beliau berkata, satu peruntukan sejumlah \$1.5 juta telah diluluskan kepada Babena sebuah anak syarikat Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu (PMINT).

Peruntukan tersebut, katanya dikhaskan kepada seramai 140 orang pemborong di mana mereka boleh mengambil bahan-bahan binaan dari syarikat itu dan membayarnya dari semasa ke semasa.